

KEARIFAN TEMPATAN: DESKRIPSI DAN TERMINOLOGI TENTANG 'PADI' DALAM MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

Remmy GEDAT

Rosnah MUSTAFA

Hamidah ABDUL WAHAB

Wan Robiah MEOR OSMAN

Siti Marina KAMIL

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan, Sarawak

gremmy@unimas.my, mrosnah@unimas.my, awhamidah@unimas.my,

mowrobiah@unimas.my, ksmarina@unimas.my

Abstrak

Padi di Sarawak mempunyai nilai dan kisah tersendiri dalam masyarakat Iban. Suku Iban amat menghormati dan menghargai padi sehinggakan satu pesta diciptakan khas untuk meraikan hasil perolehan padi iaitu hari Gawai. Hari Gawai merupakan perayaan yang memperingati dan memuja semangat padi. Padi dianggap suci dan mempunyai roh. Keagungan padi dalam masyarakat Iban terlakar dalam beberapa cerita lisan. Salah satunya ialah *Penti Pemali Muai Leka Asi Pumai Kitai Iban*. Pada suatu ketika dahulu sesebuah keluarga dianggap kaya, berharta dan berketurunan rajin sekiranya memiliki jumlah padi yang banyak. Kini, penanaman padi masih lagi dijalankan namun nilai serta kepercayaan tentang ritual penanaman padi kian luntur. Makalah ini bertujuan mendokumentasikan dan menghuraikan terminologi-terminologi berkaitan dengan padi serta aktiviti penanaman padi dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Kajian yang dilakukan dengan kaedah temu bual dan observasi langsung mendapati bahawa banyak istilah berkenaan padi tradisional semakin dilupakan masyarakat Iban atas faktor kemodenan. Ekoran kesan pemodenan secara global dilihat terminologi yang lazim diujarkan oleh komuniti Iban ini akan berpotensi menjadi kata arkaik kepada generasi akan datang jika tidak didokumentasikan dan dilestarikan penggunaannya dalam komuniti ini.

Kata kunci: Kearifan Tempatan, Terminologi Padi, Masyarakat Iban, Etno-budaya

Local Knowledge: The Iban's description and terminology of 'paddy'

Abstract

Paddy has its own value and unique identity within the Iban community in Sarawak. This community's high regard and appreciation for rice are manifested in the annual festival to celebrate the rice harvest known as the Gawai Festival. This festival marks the community's commemoration and worship of the spirit of the paddy because the Ibans believe paddy to be holy and possess a spirit. The supremacy of paddy within the Iban community can be found in the Iban oral tradition, including the story Penti Pemali Muai Leka Asi Pumai Kitai Iban. In the past, a family is considered rich and of